

Sempena Nuzul al-Quran

Sambutan Nuzul al-Quran

Acara kosong atau nikmat yang wajib disyukuri?

refleksi al-quran



Oleh ABDULLAH BUKHARI
ABDUL RAHIM AL-HAFIZ
Pensyarah di Jabatan Tilawah
al-Quran, Pusat Bahasa,
UIAM dan Naib Presiden MURSHID.

“USTAZ! Sasaran saya tahun ini dalam kursus anjuran berkaitan *tadabbur* al-Quran (memahami dan menghayati) adalah memberikan masa tiga minit untuk para peserta ulas isi kandungan surah Yasin.”

Sejurus mendengar hasrat Fazrul Ismail (Pengarah Eksekutif Akademi Sinergi, sebuah syarikat yang menganjurkan program membantu orang awam memahami isi al-Quran) saya menambah kenyataannya:

“Saya kira masa itu terlalu panjang, jika kita berikan sekadar satu minit pun, sesetengah peserta belum tentu mampu mengulas inti sari surah ini. Dalam sesetengah keadaan, orang Melayu yang sudah sebatи membaca surah Yasin akan melopong seketika apabila disebut dalam surah hebat ini Allah mengisahkan perihal tiga utusan Allah diutuskan kepada sebuah negeri yang mensyirikkan Allah.

“Mereka juga tercengang kehairanan apabila saya kata surah Yasin menyebut kisah kemuliaan seorang lelaki yang cuba menasihati kaumnya walaupun selepas dia gugur syahid dibunuh kaumnya sendiri. Tambah ternganga apabila kita katakan Allah memberi logik dalam surah Yasin dengan pemerhatian pada alam semesta bagi mengajar sikap biadab seorang lelaki Quraisy yang menafikan wujudnya hari kiamat.”

Dialog di atas pernah menjadi bahan bualan antara saya dan Fazrul. Itu sekadar secebis kisah manusia dengan al-Quran. Saban tahun menjelang 17 Ramadan Islam di Malaysia akan menyambut ulang tahun Nuzul al-Quran. Para ulama masih berselisih pandangan tentang tarikhnya. Ada yang mengatakan 17 Ramadan bersempena firman Allah dalam surah al-Anfal [8:41]. Ada juga berkata 21 Ramadan (*al-Rahiq al-Makhtum*) dan 24 Ramadan. Pendapat 24 Ramadan dipegang oleh para ulama hadis berdasarkan sabda Rasulullah:

“Suhuf Ibrahim diturunkan pada

Al-Quran bukan sekadar kitab suci yang diritualkan pada masa dan majlis keagamaan tertentu sahaja. Al-Quran juga bukan hanya himpunan ayat keramat yang berguna menghalau syaitan atau jin yang membuat onar. Ia juga bukan sekadar teks Arab yang didalamnya perbincangan alunan hurufnya dalam kerangka tajwid atau tarannum. Ia juga bukan hanya lafadz jampi yang bakal menaikkan harga produk ala-Islamik yang semakin membanjiri pasaran.

KHAZANAH DUNIA AKHIRAT

Al-Quran adalah kitab suci yang mengumpulkan segala khazanah dunia dan akhirat. Bicaranya mengandungi tajwid, tarannum, tahfiz, tafsir, ekonomi, falsafah, jihad, perubatan, psikologi, kejuruteraan, ketenteraan dan segalanya. Semakin banyak kajian dibuat terhadap al-Quran maka para pengkaji akan semakin lemas dan mabuk dalam lautan ilmu Allah yang tidak bertepi dan berdasar.

Setiap patah ayat al-Quran adalah cerminkan kuasa dan ilmu Allah yang tiada taranya sebagaimana firman Allah:

“(Orang kafir itu tidak mahu mengakui apa yang telah diturunkan Allah kepadamu wahai Muhammad), tetapi Allah sentiasa menjadi saksi akan kebenaran al-Quran yang telah diturunkan-Nya kepadamu. Allah menurunkannya dengan ilmu-Nya, dan malaikat juga turut menjadi saksi. Dan cukuplah Allah menjadi saksi (akan kebenaran Al-Quran ini),” (al-Nisa’

SEORANG pelajar cacat penglihatan membaca al-Quran tulisan Braille.

[4:166].

Bayangkan apa akan jadi jika Allah tidak menurunkan al-Quran kepada baginda Rasulullah SAW? Kita pasti tidak akan mengenali siapa baginda.

Kita juga mungkin tidak akan mengenali Islam dan siapa Tuhan kita. Kita mungkin masih bergelumang dengan berbagai anutan agama yang tidak tentu jalan akhirnya.

Oleh itu kita wajib bersyukur seumur hidup kerana rahmat dan kasih sayang Allah yang menurunkan kitab ini. Syukur dengan Nuzul al-Quran bermaksud mengambil segala isi kandungannya secara benar, menyeluruh dan adil.

Kita tak mahu orang Islam yang cacat iman berinteraksi dengan al-Quran. Kita tak mahu Muslim yang lidahnya tidak putus membaca al-Quran namun akhlaknya yang buruk memfitnah kesucian al-Quran.

Kita juga tak mahu Muslim yang agresif memperjuangkan tajwid dan seni lagu al-Quran tetapi sangat “alahan” untuk mengamalkan isi kandungannya. Kita tak mahu merosakkan rasa syukur Nuzul al-Quran dengan semua itu.

malam pertama Ramadan, Taurat pada 6 Ramadan, Injil pada 13 Ramadan, Zabur pada 18 Ramadan dan al-Quran pada 24 Ramadan,” - Musnad Ahmad.

Walaupun begitu, jangan pula kita tersalah fokus. Bukan tarikh yang perlu diketengahkan dalam perbincangan berkaitan Nuzul al-Quran tetapi sejauh mana semangat kita menghayati isi kandungan al-Quran.



KOMPLEKS Percetakan al-Quran Raja Fahd Arab Saudi mengedarkan sejumlah 270 juta naskhah al-Quran dan kebanyakannya diedarkan ke seluruh dunia sejak ditubuhkan dengan 55 versi bahasa dunia termasuk versi Bahasa Melayu.

- BERNAMA

Dalam bicara metafora, Nuzul al-Quran adalah hari raya terbesar yang dikurniakan Allah kepada Umat Islam. Tanpa turunnya al-Quran, tak mungkin kita memiliki Aidilfitri dan Aidiladha. Oleh itu, setelah berakhir Ramadan dan Syawal, raikan Nuzul al-Quran ini setiap saat, hari, sepanjang tahun, seumur hidup dan jangan hanya bermusim dalam Ramadan sahaja.

“Bacalah al-Quran, kerana ia akan datang memberi syafaat kepada pembacanya pada hari kiamat nanti. Bacalah Zahrawain, iaitu surah al-Baqarah dan Ali ‘Imran, kerana kedua-duanya akan datang pada hari kiamat nanti, seperti dua tompok awan menaungi pembacanya atau seperti dua kelompok burung yang sedang terbang dalam formasi hendak membela pembacanya. Bacalah al-Baqarah, kerana membacanya akan mengundang berkat. Meninggalkannya akan mengundang penyesalan, dan pembacanya tidak dapat dikuasai (dikalahkan) oleh ahli shirih,” - Sahih Muslim.